



PERATURAN PENGGUNAAN MAKMAL SUKAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1. Pengguna makmal hendaklah **memahami Risalah Data Keselamatan Bahan (Material Safety Data Sheet)** sebelum mengendalikan peralatan.
2. Pengguna makmal diwajibkan **memakai peralatan yang bersesuaian** sewaktu **mengendalikan peralatan**.
3. Pengguna adalah **dilarang sama sekali membawa makanan dan minuman bergula** ke dalam makmal.
4. Pengguna makmal adalah **dilarang sama sekali membawa pengguna dari luar** yang tidak berdaftar di dalam borang tempahan.
5. Pengguna makmal adalah **dilarang sama sekali bergurau senda, bermain dan meninggikan suara** di dalam makmal.
6. Pengguna makmal diwajibkan **mengisi Rekod Penggunaan Alat** sebelum dan selepas menggunakannya.
7. Pengguna makmal hendaklah **bertanggungjawab semasa menggunakan peralatan** dan sebarang kerosakan atau kemalangan hendaklah **segera dimaklumkan** kepada Pegawai Sukan UiTM yang bertanggungjawab (**hubungi talian sambungan: 0355435607 / 5606**).
8. Pengguna makmal adalah **dilarang membawa keluar peralatan** tanpa keizinan Pegawai Sukan UiTM.
9. Pengguna makmal **dilarang mengalihkan kedudukan komputer dan peralatan** tanpa kebenaran.
10. Pengguna makmal hendaklah **memastikan ruangan kerja sentiasa dibersihkan** selepas menjalankan kerja.
11. Pengguna makmal hendaklah memastikan segala peralatan **diletakkan di tempat asal** selepas menggunakannya.
12. Bagi penggunaan makmal **di luar waktu pejabat**, pengguna hendaklah **terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada** Pegawai Sukan UiTM. Bagi makmal yang tidak digunakan diluar waktu pejabat, bilik tersebut akan dikunci.
13. Pengguna terakhir hendaklah memastikan **semua suis elektrik dimatikan dan pintu dikunci selepas menggunakan makmal**.
14. Pengguna makmal dikehendaki **membersihkan barang-barang selepas di gunakan**.

Pengguna makmal diwajibkan memahami dan mematuhi semua PERATURAN PENGGUNAAN MAKMAL. Tindakan tegas akan di ambil sekiranya terdapat pengguna yang tidak mematuhi peraturan ini. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

MAKMAL SUKAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
d/a Pusat Sukan
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam
No. Tel : 03-5543 5607 / 5606 No. Fax : 03-5543 5625
<http://pusatsukan.uitm.edu.my>